

[Home](#) / [2025](#) / [May](#) / SKRSS 2025 : Santuni Asnaf, Semarak Ramadhan

SDG

05/05/2025 / AZMI SALIM

KHIDMAT KOMUNITI: *Kasih Ramadhan Sebening Syawal* "Santunan Ramadan: Memberi dengan Ikhlas Menerima dengan Syukur"

Pada
11 MAC 2025

Anjuran

JAWATANKUASA KHIDMAT KOMUNITI PPPT

Pusat Pengajian Pengurusan Teknologi
Fakulti Pengurusan dan Perniagaan
UiTM Cawangan Pahang



PhotoGrid

JENGA, 11 Mac 2025 – Program tahunan “Sesuci Kasih Ramadhan Sebening Syawal” (SKRSS) anjuran Jawatankuasa Khidmat Komuniti, Pusat Pengajian Pengurusan Teknologi (PPPT), Universiti Teknologi MARA (UiTM) Pahang kembali untuk edisi ke-16 dengan menyantuni golongan asnaf di sekitar Jengka.

Bertemakan “Santunan Ramadhan: Memberi dengan Ikhlas, Menerima dengan Syukur”, program kali ini menyasarkan seramai 30 usahawan kecil daripada kalangan asnaf yang disenaraikan oleh Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (MUIP) Cawangan Jengka. Majlis telah berlangsung di Bilik Latihan Staf, UiTM Pahang Kampus Jengka. Setiap peserta menerima kotak “Rezeki Raya” yang mengandungi barangan keperluan bagi menyambut Aidilfitri, termasuk kuih raya, lemang, nasi impit, minyak masak dan pelbagai barangan lain.

Istimewanya tahun ini, program turut menampilkan sesi motivasi oleh Encik Mohd Amlil bin Abdullah@Baharum, Pensyarah Kanan PPPT merangkap jurulatih Program Rakyatpreneur. Beliau berkongsi panduan serta inspirasi kepada para asnaf dalam mengharungi cabaran keusahawanan, dengan harapan agar mereka mampu berhijrah daripada penerima zakat kepada pembayar zakat.

Majlis perasmian telah disempurnakan oleh Timbalan Rektor Penyelidikan dan Jaringan Industri, Prof. Dr. Wan Mohd Nazri Wan Abdul Rahman. Beliau turut menyerahkan secara simbolik kotak Rezeki Raya kepada Dr. Mohd Zaidi Mat Saat, Koordinator Prasiswazah (Pengurusan Teknologi), sebagai tanda sokongan pihak pengurusan terhadap program-program yang berimpak kepada komuniti.

Program diakhiri dengan sesi bergambar melibatkan barisan JKEN, AJK Jawatankuasa Khidmat Komuniti, wakil MUIP, serta semua penerima sumbangan. SKRSS 2025 merupakan antara inisiatif berterusan UiTM Pahang dalam memperkasakan golongan kurang bernasib baik. Ini selaras dengan misi universiti untuk memberi sumbangan holistik terhadap pembangunan masyarakat di samping sasaran mencapai dua Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) seperti dianjurkan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) iaitu, SDG 1 (Tiada Kemiskinan) dan SDG 2 (Kelaparan Sifar).

Penulis Bersama: **Naliza binti Solat, Mas’udah binti Asmui, Mohd. Amlil bin Abdullah@Baharum, Nor Farhana binti Mohd Azmi**



Tags: [Fakulti Pengurusan dan Perniagaan \(FPP\)](#), [Pusat Pengajian Pengurusan Teknologi, SKRSS 2025](#), [UiTM Cawangan Pahang](#), [Universiti Teknologi MARA \(UiTM\)](#)

Program Jelajah CNC Perkukuh Jaringan Komuniti dengan Pusat Asasi UiTM

Lawatan Silaturrahim Manuskrip Melayu di Muzium Manuskrip Al-Quran Melayu Raya, Thailand

QUICK LINKS

[Ministry of Higher Education](#)
[Academic Calendar](#)
[Intake Calendar](#)
[Graduate Quick Search](#)
[Library](#)
[UiTM Holdings](#)
[WiFi UiTM](#)
[E-Complaint](#)

HUBUNGI KAMI

Universiti Teknologi MARA (UiTM)
40450 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan
Malaysia
Tel: +603-5544 2051 / 2000

